**WP KUALA LUMPUR**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tingkat 28, Menara TH Perdana
1001 Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR
No Telefon : 03-26942700
No Faks : 03-26940040

**SELANGOR**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Selangor
Lot F-50, Tingkat 1, Pusat Komersial
Ideal Convention Centre (IDCC),
Jalan Pahat L 15/L, Seksyen 15,
40200, Shah Alam,
Selangor
No Telefon: 03-55453398/ 03-55453497
No Faks: 03-55190846

**NEGERI SEMBILAN**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Negeri Sembilan
Tingkat 7, Wisma Persekutuan
Jalan Dato' Abdul Kadir
70000 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN
No Telefon: 06-7630457 / 06-7637230
No Faks: 06-7610380

**MELAKA**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Melaka
Tingkat 6, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, MITC,
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, MELAKA
No Telefon : 06-2345277
No Faks: 06-2345280



**JOHOR**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Johor
Lot L4-01, Tingkat 4, Menara Landmark
No.12, Jalan Ngee Heng
80000 Johor Bahru
JOHOR
No Telefon : 07-2234960 / 07-2237073
No Faks: 07-2247169

**RAUB**

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Raub
Tingkat 2, Bangunan Gunasama Persekutuan
Jalan Tengku Abdul Samad
27600 RAUB
PAHANG
No Telefon: 09-3553677
No Faks: 09-3557494

**TERENGGANU**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Terengganu
Aras 1, Wisma PERKESO
Lot 2467, Jalan Air Jernih,
20538 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU
No Telefon : 09-6203240/ 41/ 42/ 43
No Faks: 09-6203250

**KELANTAN**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Kelantan
Lot PT84 & PT85, Wisma Mustapha
Seksyen 15, Jalan Sultanah Zainab
15050 KOTA BHARU
KELANTAN
No Telefon : 09-7482548
No Faks: 09-7472615

**GUA MUSANG**

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Cawangan Gua Musang
Lot 6, Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji
Bandar Baru Gua Musang
18300 GUA MUSANG
KELANTAN
No Telefon : 09-9123688
No Faks: 09-9126988

**PERAK**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Perak
Tingkat Bawah, Blok A (A2)
Bangunan Persekutuan Ipoh
Jalan Dato' Ahmad Said (Greentown)
30450 IPOH
PERAK
No Telefon : 05-2544027 / 05-2552240
No Faks: 05-2556007

**MUAR**

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Muar
Lot 2, Tingkat Mezzanine,
Bangunan Muar Trade Centre,
No. 16, Jalan Petrie,
84000 Muar,
JOHOR
No Telefon: 06-9522410 / 06-9528972
No Faks: 06-9528153

**PULAU PINANG**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Pulau Pinang
Aras 4, Bangunan Gunasama Persekutuan
Jalan Anson
10400 GEORGETOWN
PULAU PINANG
No Telefon : 04-2109100 / 04-2109108
No Faks: 04-2287966

**KEDAH**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Kedah
Aras 3, Zon A, Wisma Persekutuan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
06550 Bandar Muadzam Shah
KEDAH
No Telefon : 04-7001553
No Faks: 04-7327452

**LANGKAWI**

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Cawangan Langkawi
Lot 10B & 11B, Tingkat Bawah
Kompleks Cayman, Pekan Baru Kuah
07000 LANGKAWI KEDAH
No Telefon : 04-9698180 / 04-9698183
No Faks: 04-9698181

**PERLIS**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Perlis
No. 8, 10, 12
Taman Temak Jaya, Jalan Kangar-Alor Star
01000 KANGAR
PERLIS
No Telefon : 04-9767739
No Faks: 04-9767790

**SABAH**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Sabah
Aras 2, Menara MAA
No. 6, Lorong Api-Api 1, Peti Surat 11319
88814 KOTA KINABALU
SABAH
No Telefon : 088-488434
No Faks: 088-488 096

**PAHANG**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Pahang
Tingkat 8, Wisma Persekutuan
Jalan Gambut
25000 KUANTAN
PAHANG
No Telefon : 09-5161135 / 09-5162639
No Faks: 09-5157120

**TAIPING**

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Cawangan Taiping
Tingkat 3, Wisma Persekutuan
Jalan Istana Larut
34000 TAIPING PERAK
No Telefon : 05-8082701 /05-8069452
No Faks: 05-8063817

**WP LABUAN**

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman
Wilayah Persekutuan Labuan
Tingkat 9(A), Blok 4
Menara Pejabat Ujana Kewangan
Jalan Merdeka
87018 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
No Telefon: 087- 412242
No Faks: 087- 411531

**SARAWAK**

Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Sarawak
Tingkat 6, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93504 KUCHING
SARAWAK
No Telefon : 082-258699/ 082-238509
No Faks: 082-243978

**MIRI**

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Miri
Tingkat 13, Lot 97, Wisma Yulan
Jalan Brooke, Peti Surat 2300
98008 MIRI
SARAWAK
No Telefon : 085-423606
No Faks: 085-425204

**SIBU**

Penolong Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Sibu
Tingkat 10 (Section A), Wisma Vasty,
Lot. No 445, Blok 5, No.15, Jalan Pulau
96000 SIBU
SARAWAK
No Telefon : 084-343978
No Faks: 084-346978

MALAYSIA MADANI

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN BANTUAN GUAMAN

# PANDUAN MENDAPATKAN KHIDMAT BANTUAN GUAMAN DI JABATAN BANTUAN GUAMAN



"Kami sedia membantu"

www.jbg.gov.my
jabatanbantuanguaman

# 1. Adakah saya layak untuk mendapat bantuan guaman di JBG?

Untuk melayakkan anda mendapat bantuan guaman di JBG, anda mestilah:

- Warganegara Malaysia yang berkelayakan; dan
- Bagi bantuan guaman dalam kes mahkamah, anda mestilah :
  - Memenuhi kriteria yang ditetapkan
  - Lulus ujian kemampuan; dan
  - Mempunyai kes yang bermerit.



# 2. Berapakah bayaran untuk mendapatkan khidmat bantuan guaman di JBG?

(a) Bayaran fi pendaftaran sebanyak **RM10.00** akan dikenakan bagi setiap perkhidmatan; dan

(b) Sekiranya sumber kewangan pemohon melebihi RM50,000.00 setahun, maka bayaran sumbangan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan- Peraturan Bantuan Guaman (Fi dan Sumbangan) 2017 akan dikenakan kepada pemohon.

# 3. Jika terdapat apa-apa perubahan kepada "kemampuan" saya, adakah saya perlu memaklumkannya kepada JBG?

Ya. Anda perlu memaklumkan kepada JBG sekiranya **"kemampuan"** anda telah meningkat kerana ia mungkin akan menjejaskan kelayakan anda untuk bantuan guaman dan bayaran sumbangan juga mungkin boleh dikenakan terhadap anda.

# 4. Apakah perkhidmatan yang ditawarkan di JBG?

Perkhidmatan yang ditawarkan di JBG adalah:

(i) khidmat nasihat guaman;

(ii) mewakili anak guam dalam perbicaraan di mahkamah-mahkamah di Malaysia;

(iii) menjalankan sidang pengantaraan bagi tujuan menyelesaikan pertikaian secara damai dan sukarela; dan

(iv) khidmat pendamping guaman bagi kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual.



# 5. Adakah saya layak untuk mendapatkan khidmat bantuan guaman sekiranya kes saya tidak termasuk dalam senarai seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua atau Ketiga Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*] sebagaimana yang dinyatakan?

Sekiranya kes anda tidak termasuk dalam senarai seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua atau Ketiga Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*], bantuan guaman masih boleh diberikan dengan kelulusan khas oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi). Walau bagaimanapun, kebenaran khas Menteri ini hanya akan diberikan dalam kes di mana sekiranya bantuan guaman tidak diberikan, ia akan mendatangkan kesusahan yang tertentu dan ketidakadilan kepada pemohon. Permohonan hendaklah dibuat melalui Ketua Pengarah Bantuan Guaman.

## JENIS KES/TUNTUTAN YANG DIKENDALIKAN OLEH JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG)

### KES KEKELUARGAAN (SIVIL & SYARIAH)

- Nafkah
- Perubahan perintah nafkah
- Tuntutan cerai
- Hak penjagaan
- Harta sepencarian/Aset perkahwinan
- Mutaah
- Ganti rugi pertunangan
- Hutang perkahwinan
- Wali Hakim
- Penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah
- Permohonan anggapan Kematian bagi pembubaran perkahwinan syariah
- Hibah
- Wasiat



### KES JENAYAH

- Mitigasi hukuman bagi tertuduh dan kanak-kanak yang mengaku salah dalam semua kes jenayah
- Prosiding jenayah terhadap kanak-kanak di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*]
- Prosiding Jenayah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [*Akta 336*]

### KES SIVIL

- Penanaman padi
- Harta pusaka kecil
- Tuntutan ganti rugi kemalangan jalan raya
- Pinjaman wang
- Sewa beli
- Penyewaan
- Surat kuasa mentadbir
- Permohonan anak angkat
- Tuntutan pengguna
- Permohonan Probet dan Surat Mentadbir Pusaka
- Permohonan Perintah anggapan Kematian

### KHIDMAT PENDAMPING GUAMAN

Khidmat pendamping guaman ditawarkan bagi kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual



# 6. Adakah saya boleh mendapatkan khidmat bantuan guaman sekiranya pihak yang satu lagi telah mendapatkan khidmat bantuan guaman yang serupa?

Boleh, kedua-dua pihak boleh mendapatkan bantuan guaman sekiranya mereka layak tetapi JBG tidak akan mewakili mana-mana atau kedua-dua pihak kepada prosiding tersebut. Sebaliknya pihak JBG akan melantik peguam panel JBG untuk mengendalikan kes bagi kedua-dua pihak itu. Bayaran kepada perkhidmatan peguam panel tersebut akan ditanggung oleh pihak JBG.

# 7. Bolehkah satu perakuan bantuan guaman yang telah diberikan ditarik balik atau dibatalkan?

Boleh, sesuatu perakuan bantuan guaman yang telah diberikan boleh ditarik balik atau dibatalkan dalam beberapa keadaan tertentu, antaranya:

(i) pemohon telah memberikan pernyataan palsu berhubung dengan sumber kewangannya;

(ii) pemohon tidak membayar sumbangan yang dikenakan terhadapnya.

NOTA: Risalah ini ialah suatu penerangan ringkas sahaja untuk pengetahuan asas orang awam dan bukannya merupakan nasihat undang-undang yang komprehensif. Sekiranya anda mempunyai masalah berkenaan tajuk tersebut dan memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi mana–mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berhampiran untuk mendapatkan keterangan lanjut.


Ibu Pejabat
**Jabatan Bantuan Guaman**
Aras 1, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62692 Putrajaya,

No. Telefon: 03-88851827 (Sivil) / 03-88851826 (Syariah)
No. Faks:03-88851829/1830

Laman web: www.jbg.gov.my